

KELAB DEBAT UniMAP GEGAR *JOM JOIN KELAB*

Oleh : Nur Izzati binti Mohamad Sobri, Presiden Kelab Debat UniMAP Sesi 2011/2012

Kelab Debat telah menyertai program Jom Join Kelab anjuran Majlis Perwakilan Pelajar bersempena dengan Karnival Gegar Siswa yang berlangsung pada 17 hingga 18 Disember 2011 bertempat di Dewan Terbuka, Kolej Kediaman Wang Ulu, UniMAP. Buat julung kalinya Kelab Debat menyertai program Jom Join Kelab selepas kelab ini ditubuhkan. Tujuan utamanya adalah untuk menghebahkan kepada seluruh pelajar UniMAP tentang kewujudan Kelab Debat. Kelab ini juga menyediakan platform untuk para mahasiswa melatih keyakinan diri untuk berinteraksi dengan orang ramai. Kelab Debat turut mencari bakat-bakat baru yang berminat untuk menyertai pertandingan debat antara IPT. Para pelajar yang berminat akan dilatih dan didedahkan dengan dunia sebenar perdebatan ala parlimen Malaysia dan British. Bagi mahasiswa-mahasiswa yang telah menyertai debat sebelum ini di peringkat sekolah atau politeknik, boleh mengembangkan lagi bakat yang sedia ada di peringkat universiti bagi mewujudkan satu persaingan yang sihat dan bermanfaat.

Antara aktiviti yang diadakan semasa Jom Join Kelab ini seperti pendaftaran ahli baru, mini pertandingan pidato, edaran cenderahati, kuiz, video dan lain-lain. Hebahan dan promosi telah dibuat melalui poster, pengumuman, laman sosial facebook dan sebagainya. Seramai 38 orang ahli baru termasuk beberapa orang pelajar antarabangsa telah mendaftar sebagai ahli kelab untuk Debat Bahasa Melayu dan Debat Bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar antarabangsa mendaftar berpeluang

memantapkan lagi penggunaan Bahasa Melayu. Disamping pengambilan ahli-ahli baru, aktiviti sampingan paling menarik adalah mini pidato iaitu cabutan satu tajuk, kemudian pelepas terbabit perlu mengulas tajuk tersebut mengikut pandangan masing-masing. Kaedah penyampaian mengikut kreativiti sendiri tetapi mestilah mengambil masa sekurang-kurangnya dua minit. Aktiviti yang disediakan adalah bertujuan memupuk keyakinan diri mahasiswa untuk berinteraksi di depan orang ramai. Cenderahati diberikan kepada mahasiswa yang berani menyahut cabaran.

Program ini turut mengabungkan ahli-ahli Debat Bahasa Melayu dengan Debat Bahasa Inggeris yang bersama-sama berganding bahu memeriahkan booth kelab demi mencapai matlamat kelab ini. Majoriti ahli telah turun padang untuk bersama-sama mempromosikan kelab, menyumbang idea dan tenaga dalam aspek hiasan pameran booth, aktiviti dan cara promosi. Tayangan video debat turut dipertontonkan kepada para pengunjung yang singgah ke booth kelab. Tuntasnya, program ini seumpama ini berjaya menjalinkan hubungan akrab sesama ahli kelab menjadi lebih utuh dan harmonis. Program mempromosikan kelab seumpama ini harus diadakan secara berterusan agar mahasiswa didedahkan dengan kewujudan disamping memperolehi faedah dalam membina kemahiran insaniah yang lebih jitu dengan menyertai kelab-kelab di universiti.